

Transformasi GreaterKL pencetus bakat Malaysia taraf global

→ InvestKL tarik pelaburan RM8.9b, wujud sehingga 9,335 pekerjaan

Dalam dunia yang menjangkau abad ke-21, istilah penting yang dikaitkan ialah globalisasi.

Ia juga lebih cenderung dikaitkan dengan bidang ekonomi tanpa menafikan kesannya kepada politik serta sosial.

Globalisasi dikaitkan dengan 'dasar langit terbuka' yang menjadikan dunia ini seolah-olah tanpa sempadan. Pembentukan ekonomi era globalisasi adalah berasaskan ekonomi pengetahuan atau keekonomi.

Persaingan menjadi cabaran utama dalam sistem ekonomi yang berasaskan ke-ekonomi ini.

Antara cabaran kritikal dalam persaingan ekonomi global hari ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berpengetahuan tinggi dalam pelbagai bidang seterusnya menghasilkan bakat yang membezakan negara ini dengan negara lain.

Ia menjadi tunjang dan menarik minat syarikat multinasional (MNC) global bukan sahaja berkembang di negara ini, malah menjadikan rakyatnya memegang jawatan dalam syarikat.

Ciri bakat global

Kita boleh lihat bakat terbaik dunia seperti Sundar Pichai selaku Ketua Eksekutif Google dan Indra Nooyi sebagai Ketua Eksekutif PepsiCo. Ia adalah bukti bakat bukan warga negara Amerika Syarikat (AS) yang menerajui gergasi multinasional diasaskan di sana.

Malaysia juga perlu berbangga kerana kita mempunyai Ng Keng Hooi yang dilantik sebagai Ketua Eksekutif AIA Group, baru-baru ini.

Kaedah syarikat tempatan me-

nilai dan membangunkan bakat mereka jauh berbeza dengan kaedah syarikat multinasional.

Syarikat multinasional tidak memerlukan individu mempunyai kelulusan cemerlang, namun nilainya pada kepintaran emosi, petah dan artikulasi.

Selain itu, bakat terbabit mesti mempunyai nilai global yang memahami kepelbagaian budaya, mempunyai nilai kepemimpinan dan berfikir secara kreatif.

Senario transmigrasi bakat

Kita berdepan isu ketandusan bakat atau *brain drain*. Ia tidak hanya di Malaysia, tetapi adalah fenomena global.

Namun, ia tidak harus dilihat dari sudut negatif saja.

Malah di United Kingdom (UK) sendiri, kebanyakan graduan mereka jika diberi pilihan, pasti akan memilih untuk menimba pengalaman di negara asing.

Menariknya, kebanyakan syarikat multinasional di Eropah akan lebih memberi keutamaan kepada mereka yang mempunyai penga-

laman bekerja di negara asing.

Satu lagi contoh ialah Singapura yang kerajaannya kini mendorong pelabur multinasional menggajikan warga negaranya untuk menghantar bakat muda republik itu ke luar negara bagi menimba pengalaman luar.

Ia bertujuan bakat ini akan dapat dilantik ke jawatan tertinggi syarikat global ini dan secara tidak langsung Singapura sendiri bakal menikmati faedahnya.

Usaha kerajaan bangunkan bakat tempatan

Melalui Program Transformasi Nasional, Kerajaan mengorak langkah dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang dekad yang akan datang.

Wujudnya agensi seperti InvestKL dan TalentCorp berupaya mewujudkan pekerjaan yang bergaji dan bernilai tinggi, sekali gus mengelakkan fenomena ketandusan bakat di Malaysia.

Kita perlu memastikan kerjasama MNC dengan institut pengajian

tempatan dalam memastikan Malaysia terus mengeluarkan bakat yang hebat di persada dunia bukan sahaja mengisi jawatan biasa tetapi melonjak menguasai penguasaan atasan.

Sejak 2011, InvestKL berjaya menarik pelaburan bernilai tinggi RM8.9 bilion daripada 64 MNC, dengan mewujudkan sehingga 9,335 pekerjaan berkemahiran tinggi serantau.

Hari ini, Kuala Lumpur adalah lokasi kepada korporat global seperti Schlumberger Ltd, Service Source International Inc dan Honeywell International Inc yang memiliki warganegara Malaysia seperti Anniza Soh, Jonathan Pereira dan Chia Mei-Yin sebagai bakat mereka.

Pelaburan bernilai dan berkemahiran tinggi oleh sebahagian jenama berharga di dunia itu bukan sahaja terus memberikan kesan berganda kepada ekonomi Malaysia tetapi membuka peluang mengembangkan bakat yang menjadikan masyarakat berfikir tinggi.

SIMPOSIUM PELABURAN ISKANDAR MALAYSIA

500 peserta serantau dijangka sertai simposium

Dalam usaha memperkukuhkan Iskandar Malaysia sebagai tempat pelaburan pilihan di rantau ini, sekali gus terus menjadi tumpuan pelabur, Simposium Pelaburan Iskandar Malaysia 2017 akan diadakan selama dua hari bermula 3 Oktober ini.

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Datuk Ismail Ibrahim, berkata kira-kira 500 peserta dijangka menyertai simposium yang diadakan sempena ulang tahun Iskandar Malaysia ke-10.

Katanya, program itu akan menampilkan barisan penceramah terkemuka dari rantau ini serta pihak berkepentingan bagi berkongsi perkembangan terkini, dasar kerajaan serta strategi bagi menarik pelaburan baharu ke wilayah ekonomi itu.

"IRDA mengalu-alukan kedatangan pelabur ke wilayah ini bagi merealisasikan sasaran Iskandar Malaysia mencapai inovasi dan kemampuan menjelang 2025 se-

perti digariskan dalam Rancangan Pembangunan Komprehensif di Iskandar Malaysia 2014-2025 (CDPii).

"Simposium Pelaburan Iskandar Malaysia pada kali ini tertumpu kepada tiga teras utama iaitu pelaburan, ekonomi digital dan alam sekitar," katanya selepas pengumuman penganjuran simposium itu di Johor Bahru, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Bahagian Ekonomi dan Pelaburan IRDA, Engku Ahmad Kamil.

Himpun pemimpin korporat

Simposium bertemakan 'Membentuk Masa Depan Ekonomi di Iskandar Malaysia' itu dijangka dirasmikan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Ismail berkata, simposium itu menjadi platform bagi menghimpunkan pemimpin korporat, pelabur, pengamal profesional serta pemimpin komuniti dalam dan

luar negara bagi membincangkan hala tuju Iskandar Malaysia yang kini menjadi destinasi pelaburan baharu di Asia Tenggara.

Katanya, IRDA yang diberi mandat untuk merancang, mempromosi dan menjadi pemudah cara kepada pembangunan di Iskandar Malaysia, juga memberi penekanan kepada kebolehpasaran bagi memastikan wilayah itu berupaya bersaing pada peringkat global.

"Kebolehpasaran itu membolehkan logistik dan infrastruktur yang perlu dibangunkan bagi mempertingkatkan keupayaan untuk terus bergerak di landasan kukuh pada masa depan," katanya.

Pada majlis berkenaan, penganjuran Simposium Pelaburan Iskandar Malaysia turut mendapat kerjasama 14 syarikat termasuk Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC), Forest City, UEM Sunrise Bhd, Johor Premium Outlets dan IKEA.

[FOTO NURUL AMANINA SUHAINI/BH]



Ismail (tiga dari kanan) bersama antara wakil penganjur pada majlis prapelancongan Simposium Pelaburan Iskandar Malaysia 2017 Johor Bahru, semalam